ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD

اڠكاتن كوڤراسي كبڠسائن مليسيا برهد

(Malaysian National Co-operative Movement)

angkasa

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) adalah koperasi apex yang diiktiraf oleh kerajaan sebagai Badan Puncak Gerakan Koperasi Malaysia. ANGKASA melaksanakan program transformasi Koperasi melalui penyertaan projek ekonomi berimpak tinggi. ANGKASA terus menjalankan khidmat teras iaitu menyediakan khidmat potongan gaji kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun, kelab, Koperasi, kesatuan dan syarikat GLC.

Sekiranya anda seorang yang berdedikasi, bermotivasi tinggi dan inginkan persekitaran kerja yang stabil dan berdaya-saing, anda dipelawa menyertai kami dengan mengisi kekosongan jawatan di **Ibu Pejabat** kami seperti berikut :

1. PEGAWAI, UNIT PEMATUHAN SYARIAH

Kelayakan dan Pengalaman

- Sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Syariah / Perbankan Islam / Muamalat / Kewangan Islam / Ekonomi Islam / Fiqh Wa Usul Fiqh atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Berpengetahuan dalam bidang syariah dan pengalaman bekerja 3 tahun dalam bidang Pengauditan Syariah.
- Memiliki Sijil-sijil Khas yang berkaitan dengan Audit Syariah adalah kelebihan.
- Boleh bertutur di dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab adalah diutamakan.

Bidang Tugas

- Bertanggungjawab memberi latihan mengenai Syariah / Muamalat / Sistem Tawarruq ANGKASA kepada koperasi-koperasi yang memohon Sijil Pematuhan Syariah.
- Menyemak, menyelidik dan mengenal pasti isu-isu syariah yang perlu dibentang dan dijadikan kertas kerja mesyuarat.
- Memastikan setiap aktiviti, produk, perkhidmatan dan kontrak di koperasi mematuhi hukum syarak seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah ANGKASA.
- Melakukan audit syariah secara berkala di ANGKASA atau koperasi-koperasi yang telah menerima Sijil Pematuhan Syariah supaya dapat memastikan pelaksanaannya sewajar dengan sijil yang dikeluarkan.

2. PEGAWAI, UNIT PORTAL BERITA & TV ANGKASA

Kelayakan dan Pengalaman

- Sekurang-kurangnya Diploma Digital Fotografi / Teknologi Kreatif / Senireka Kreatif atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Berpengalaman bekerja 3 tahun dalam bidang berkaitan.
- Berkemahiran dalam penyuntingan berita dan TV secara *`online'* dan *`offline'*.
- Boleh menggunakan perisian *`Adobe Premier'* atau *`Final Cut Pro'*.
- Bersedia untuk melakukan tugasan di luar kawasan termasuk bertugas pada hujung minggu.

Bidang Tugas

- Menyedia / menyusun bahan rakaman *(rushes)* untuk penerbitan.
- Membantu menyusun visual, elemen grafik dan audio untuk menjadikan satu produk audio visual.
- Boleh menyunting pelbagai produk audio visual seperti video korporat, video promosi, iklan dan sebagainya.

ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD

اڠكاتن كوڤراسي كبڠسائن مليسيا برهد

(Malaysian National Co-operative Movement)

angkasa

Individu yang berkelayakan dipelawa memohon dengan mengemukakan surat permohonan berserta butiran peribadi terperinci (resume/cv) yang mengandungi maklumat kelayakan akademik, pengalaman, kemahiran, kualiti personal, gaji semasa, gaji dipohon serta salinan sijil-sijil akademik / berkaitan dan gambar terbaru berukuran pasport kepada :

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD
Peti Surat 8797, Pejabat Pos Kelana Jaya, 46798 Petaling Jaya, Selangor

selewat-lewatnya pada 25 Mac 2017

Hanya pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga

Iklan : Utusan Malaysia
Tarikh : 18/03/2017 (Sabtu)
T/Tutup : 25/03/2017

HRHO/SZAB/IFMH/rha:2017iklanpegsyariah